

Pengurusan kediaman bimbang disaman

Kuala Lumpur: Bimbang disaman pemilik, membuatkan pengurusan perumahan berstrata takut untuk mengalihkan kenderaan terbiar di kawasan masing-masing.

Timbalan Pengerusi Persatuan Penduduk Pangsapuri Putra Ria di sini, Mohd Dom Ujang, 56, berkata keadaan itu membuatkan lebih 100 kenderaan terbiar, 'mencuri' tempat parkir perumahan itu sejak lima tahun lalu.

"Kami sudah membuat aduan mengenai masalah ini tahun lalu tetapi difahamkan prosedur dihadapi Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) bukan mudah kerana pemilik kenderaan boleh mengambill tindakan undang-undang.

"Nak angkut rangka motosikal atau basikal pun takut sebab bimbang pemilik saman. Pernah berlaku sebelum ini pemilik kenderaan terbiar ini menang saman dengan alasan kenderaannya yang ditarik ada nilai sentimental," katanya.

Beliau menyarankan supaya kerajaan memberi definisi jelas terhadap kenderaan terbiar dan tersadai yang boleh dimasukkan dalam peruntukan sedia ada bagi memudahkan pihak berkuasa mengambil tindakan sewajarnya.

"Contohnya kenderaan lusuh dan tersadai adalah yang sudah tamat cukai jalan pada tempoh tertentu, kenderaan yang tidak lengkap fizikalnya atau usang," katanya.

Mohd Dom berkata, penghuni perumahan perlu menahami proses menarik kenderaan bukan mudah kerana mengikut prosedur, DBKL perlu menyemak status kenderaan, cukai jalan yang membabitkan beberapa agensi seperti Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), bank, syarikat insurans dan polis.

"Banyak kemungkinan diambil kira seperti pemilik kenderaan masih ada hutang tertunggak bank, sudah meninggal dunia atau jika ia berkait jenayah atau kenderaan cu-

ri, ia perlu diserahkan kepada polis.

"Kekangan seperti ini menyukarkan tindakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap kenderaan terbiar dan tersadai di sekitar kawasan perumahan," katanya kepada BH.

Beliau berkata, pengurusan flat atau perumahan juga berharap sekiranya ada akses lebih mudah untuk mencapai maklumat nombor pendaftaran untuk menyemak status pemilik.

"Jika kenderaan itu bukan atas nama yang didaftarkan oleh penghuni, pengurusan boleh bertindak memaklumkan terus PBT atau jika atas nama penghuni, notis boleh terus dikeluarkan," katanya.


Tinjauan wartawan BH ke flat berkenaan mendapati ada kenderaan terbiar itu dijadikan stor penyimpanan barang niaga serta peribadi pemilik masing-masing.

Selain menjadi punca kesesakan di tempat letak kenderaan, kerja pembersihan sukar dijalankan sehingga menyebabkan longgokan sampah yang seterusnya menjadi tempat pembiakan nyamuk.

Penghuni perumahan itu, Kamarudin Mohd Dahan, 61, mengaku tempat letak kenderaan di pangsapuri terbabit amat padat serta menimbulkan suasana kurang selesa dalam kalangan penghuni hingga menyebabkan perselisihan faham sering berlaku kerana berebut ruang parkir.


"Keadaan ini berlaku kerana isu kenderaan terbiar dan tersadai yang mencuri tempat letak kenderaan kerana sebahagiannya dimiliki penghuni di pangsapuri ini juga.

"Ada pemilik sudah meninggal tetapi waris yang masih menetap di pangsapuri ini, membiarkan kenderaan itu tersadai kerana sudah memiliki kenderaan lain. Jika dipindahkan kenderaan itu, bimbang tercetus pergaduhan pula di kalangan penghuni," katanya.



Kereta terbiar menjadi tempat pembiakan nyamuk dan longgokan sampah kerana kerja pembersihan sukar dijalankan.

Ruang depoh simpanan kenderaan tersadai DBKL di Taman Connaught, Kuala Lumpur, sesak berikutan menerima aduan awam yang tinggi.
(Foto Zulfadli Zulkafli/BH)



DBKL berdepan cabaran dalam usaha menangani isu kenderaan terbiar berikutan ruang depoh simpanan terhad berbanding penerimaan aduan awam yang tinggi.

Osman Ismail, Pengarah Jabatan Penguatkuasa DBKL

70 aduan kereta tersadai tetapi meningkat kepada 843 kes antara anuari hingga Julai tahun ini. Semua kenderaan yang ditunda diimpon di tiga depoh iaitu Seksyen 7, U16 dan 31," katanya.

Katanya, orang ramai yang mahu menyalurkan maklumat mengenai kenderaan lusuh dan tersadai boleh berbuat demikian melalui Sistem Aduan Majlis di talian bebas tol 1-800-88-4477.



Antara kenderaan terbiar yang dijadikan stor penyimpanan barang peribadi pemilik.